

24 JAN 2002

Mahathir-Pas

KENYATAAN NIK AZIZ BERBAHAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tentang ganjaran pahala kepada mereka yang mengundi Pas pada pilihan raya 1990, adalah sesuatu yang berbahaya kepada umat Islam.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Pas tidak pernah peduli sama ada ia berbahaya atau tidak kerana ia lebih berminat untuk mendapat sokongan rakyat melalui dakwaan-dakwaannya.

"Dia bercakap seolah-olah dia Tuhan. Dia tahu di mana nak tempatkan orang itu, orang ini, sama ada nak masuk dalam syurga atau neraka. Macam mana dia boleh tahu, apa mandat dia dapat," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini.

Dalam kenyataannya di Kota Bharu semalam, Nik Aziz berkata rakyat yang mengundi Pas hingga membolehkan parti itu membentuk kerajaan negeri Kelantan pada 1990 telah memperolehi pahala dan bakal mendapat ganjaran daripada Tuhan.

Dalam kenyataannya itu, Nik Abdul Aziz berkata, orang yang mengundi parti itu akan dapat pahala kerana Pas telah menonjolkan kepada masyarakat dunia seluruhnya bahawa Kelantan duduk atas Islam, sebagaimana yang dikehendaki Tuhan.

Ketika mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan itu, Perdana Menteri secara sinis berkata: "Yalah, mereka dapat pahalalah. Kita tengok pembangunan di Kelantan dan banyak lagi bukti bahawa ini adalah negeri Islam, cuma sekarang ini terdapat di Kelantan lebih daripada negeri lain. Pi tengok sendiri."

Hari ini Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ketika diminta mengulas perkara yang sama berkata kenyataan Nik Abdul Aziz itu merupakan pendirian parti dan bukannya pendapat individu.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu, bagaimanapun, berkata pemberian pahala itu bergantung kepada niat pengundi sendiri, seperti jika pengundi itu berniat untuk Islam mereka akan diberikan ganjaran pahala.

"Hanya Tuhan yang mengetahui niat seseorang dan niat itu mesti menepati amal yang mengikut landasan hukum Islam," kata Abdul Hadi.

-- BERNAMA

AFY MFJ MAI